

UiTM promosi bas baru tingkatkan imej universiti

SHAH ALAM - Universiti Teknologi Mara (UiTM) menerima sebanyak 58 buah bas baru hasil kerjasama dengan sebuah syarikat membuat bas, MASDEF Sdn. Bhd. (MASDEF) dalam usaha meningkatkan lagi imej universiti tersebut.

Kerjasama itu merupakan hasil penyelidikan oleh Jabatan Seni Reka Perindustrian UiTM terhadap reka bentuk dan pembinaan prototaip bas yang kemudian dikomersialkan oleh MASDEF.

Naib Canselor UiTM, Prof. Datuk Dr. Sahol Hamid Abu Bakar berkata, langkah untuk terus mengukuhkan jenama UiTM penting kerana ia akan menjadi penanda aras kepada sebarang per-

ubahan dan penambahbaikan yang dilakukan oleh universiti berkenaan.

"Saya difahamkan, cadangan perubahan imej bas ini adalah kesinambungan daripada hasil penyelidikan yang dijalankan oleh pereka di Jabatan Seni Reka Perindustrian UiTM.

"Selepas berjaya melakukan penyelidikan, kita komersialkan hasil itu melalui MASDEF yang telah bermula pada tahun lalu," katanya selepas majlis pelancaran imej baru bas itu di sini semalam. Hadir sama pada majlis itu ialah Pengerusi MASDEF, Tan Sri Mohd. Saleh Sulong.

Sahol Hamid menambah, pelancaran bas tersebut juga bertujuan mempromosikan program

Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB) yang dipamerkan di belakang bas bagi tujuan membantu serta memberi peluang kepada anak-anak miskin bumiputera untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

"MDAB telah dilancarkan pada Januari tahun lepas dan diharapkan melalui promosi yang dijalankan oleh UiTM pada bas baru ini dapat menaikkan semangat golongan sasaran untuk menyambung pelajaran," katanya.

Tambah beliau lagi, kesemua bas baru tersebut akan dihantar ke setiap cawangan UiTM di seluruh negara untuk kegunaan penuntut di institusi pengajian tinggi itu.



SAHOL HAMID (lima dari kiri di barisan belakang) bersama kanak-kanak tadika selepas melancarkan imej baru bas UiTM di Shah Alam semalam.